

# PM temui Blair jelas isu

UM 25 FEB 2002

**L**ONDON 24 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menjelaskan pendirian Malaysia yang tidak bersetuju dengan anggapan bahawa sesetengah negara dianggap pengganas tanpa ada usaha mentafsir apa itu pengganas dan keganasan.

Pendirian ini akan dijelaskan kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair dalam pertemuan mereka di No. 10 Downing Street Isnin ini.

Dr. Mahathir dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah tiba di sini

dari Argentina hari ini dalam rangka lawatan kerja selama lima hari.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak bersetuju dengan anggapan mana-mana negara sebagai negara pengganas tetapi mahu ditumpukan kepada usaha memburu mereka yang terlibat dan bukannya menyerang negara yang disyaki.

“Ini pendirian kita dan berharap tindakan yang kita ambil tidak akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang-orang Islam,” tegasnya kepada wartawan di majlis rumah terbuka Pesuruhjaya

Tinggi Malaysia, Datuk Salim Hashim sempena Hari Raya Aidiladha di kediamannya di Hampstead, di sini hari ini.

Hampir 1,000 orang anggota masyarakat Malaysia di sini termasuk pelajar, kakitangan Suruhanjaya Tinggi, Jabatan Pelajar Malaysia dan agensi-agensi kerajaan, hadir.

Dr. Mahathir dan isteri yang kelihatan riang dan ceria sudi melayani segala permintaan para pelajar dan anggota masyarakat Malaysia yang datang dalam cuaca sejuk dengan suhu 5 darjah Celcius

untuk bergambar dan beramah mesra dengan mereka.

Satu perkara yang agak menakutkan ialah salji turun sebaik sahaja Dr. Mahathir dan isteri tiba di majlis itu dan ini menggembirakan mereka yang sedang menjamu selera dengan pelbagai jenis juadah kerana ia tidak berlaku dari awal musim sejuk atau *winter* sejak beberapa bulan lalu.

Merujuk kepada isu Palestin, Dr. Mahathir berkata, pencerobohan Israel tidak pula dianggap sebagai tindakan ganas sedangkan sedang-

## pengganas

kan tindak balas yang diambil oleh rakyat Palestin ditafsir sebagai keganasan.

“Jadi kalau kita hendak tuduh mana-mana pihak sebagai pengganas, kita harus tafsir apa dia pengganas dan apa dia keganasan.

“Sesiapa juga yang melakukan keganasan wajar ditafsirkan sebagai pengganas, tidak kira sama ada negara atau individu.”

Ditanya adakah tuduhan yang dilemparkan terhadap Malaysia berhubung dengan keganasan mempunyai asas, Perdana Menteri

menjelaskan memang wujud tuduhan-tuduhan dan Malaysia tidak menafikan ada yang pergi ke Pakistan dan Afghanistan untuk belajar bagaimana hendak menggulingkan kerajaan dengan keganasan.

Bagaimanapun, tambah beliau, kerajaan tidak mempunyai bukti yang mereka terlibat secara langsung dalam keganasan di negara-negara lain.

“Kalau ada bukti, kita sanggup mengambil tindakan terhadap mereka. Bahkan kita sudahpun menahan mereka yang terlibat dalam rancangan keganasan,” katanya. —

*Utusan*